

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 16.12.2025 MASA: 6:00PTG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' HJ BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PENGHARGAAN KEPADA RAKAN STRATEGIK
LOCAL ACTION 21 MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI 2025

TARIKH / MASA / TEMPAT

18 DISEMBER 2025 (KHAMIS)
10.55 PAGI

DEWAN KENANGA, MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin

Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap Penyelaras

Majlis Penghargaan Rakan Strategik Bagi Local Action 21 MBSP

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Diraikan Rakan-Rakan Strategik *Local Action* 21 MBSP

**Rakan-Rakan Media , Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati
sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI

Alhamdulillah, saya merakamkan rasa syukur kerana dengan izin dan rahmat Allah SWT, kita dapat bersama-sama pada hari ini dalam satu majlis yang amat signifikan, iaitu pelancaran **Majlis Penghargaan Kepada Rakan Strategik Local Action 21 Majlis Bandaraya Seberang Perai** bagi tahun **2025**.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Majlis ini dianjurkan sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan MBSP kepada semua rakan strategik yang telah bersama-sama menjayakan pelbagai inisiatif dan program di bawah platform **Local Action 21**, yang menjadi antara tunjang utama dalam memperkukuh penglibatan komuniti dan kerjasama pelbagai pihak dalam pembangunan mampan bandar raya Seberang Perai.

Majlis Bandaraya Seberang Perai, melalui **Jawatankuasa Induk Local Action 21**, telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan program bersama sekolah, syarikat swasta, badan bukan kerajaan serta komuniti setempat. Jawatankuasa Induk LA21 MBSP ini digerakkan melalui empat jawatankuasa utama, iaitu **Jawatankuasa Kitar Semula dan Upcycle**, **Jawatankuasa**

Kecemerlangan Wanita, Jawatankuasa Haiwan Kesayangan serta **Jawatankuasa Mesra Alam**. Pendekatan ini membolehkan pelaksanaan program yang lebih menyeluruh, bersasar dan dekat dengan keperluan masyarakat.

Selaras dengan semangat kolaborasi, pelbagai program telah dirangka berteraskan konsep **7P's**, iaitu *People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet* dan *Partnership*. Pendekatan ini memberi ruang penglibatan menyeluruh khususnya kepada penduduk Seberang Perai, di samping menggalakkan pemilikan bersama terhadap usaha pemeliharaan alam sekitar dan kesejahteraan komuniti.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Pada hari ini, MBSP dengan penuh rasa bangga dan penghargaan meraikan seramai **49 penerima anugerah penghargaan**, yang terdiri daripada lima agensi kerajaan, tiga badan berkaitan kerajaan atau GLC, tiga puluh dua syarikat swasta, lapan (8) pertubuhan bukan kerajaan serta satu (1) persatuan penduduk. Penyampaian plak penghargaan ini merupakan simbol pengiktirafan atas sumbangan, komitmen dan kerjasama berterusan yang telah diberikan dalam menjayakan program-program LA21.

Sumbangan rakan-rakan strategik ini merangkumi pelbagai inisiatif, antaranya program pemakanan sihat, pendidikan hijau, latihan pertanian bandar, pengurusan sisa dan kitar semula, transformasi sungai, pemuliharaan alam sekitar, serta penglibatan aktif komuniti dan sekolah.

Kesemua usaha ini telah memberi impak positif yang signifikan kepada masyarakat dan alam sekitar di Seberang Perai.

MBSP amat percaya bahawa kejayaan pembangunan bandar mampan tidak boleh dicapai secara bersendirian. Ia memerlukan kerjasama erat antara Pihak Berkuasa Tempatan, agensi kerajaan, sektor swasta, NGO dan komuniti. Melalui kerjasama strategik ini, MBSP dapat memaksimumkan hasil, memastikan pulangan yang berkesan bagi setiap perbelanjaan, serta meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Kerjasama ini juga menyokong usaha merealisasikan konsep **pengguna bijak atau *Smart Consumption***, selaras dengan **Matlamat Pembangunan Mampan**, khususnya SDG 12 berkaitan *Responsible Consumption and Production* serta SDG 13 berkaitan *Climate Action*.

Akhir kata, saya berharap jalinan kerjasama yang telah terbangun ini akan terus diperkukuh dan diperluaskan pada masa hadapan. Bersama-sama, marilah kita mengamalkan pendekatan holistik dalam pengurusan alam sekitar dan pembangunan komuniti demi mencapai visi “**Seberang Perai Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau dan Kompetitif serta Bandar Pintar**”.

Saya mewakili Majlis Bandaraya Seberang Perai merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua rakan strategik atas sokongan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***